

14/08/2000

Orang kenamaan antara ahli Platinum Lane

KULIM, Ahad - Individu bergelar Tan Sri dan Datuk serta beberapa exco kerajaan negeri dikatakan adalah antara 30,000 rakan niaga Platinum Lane Sdn Bhd (PLSB), yang kini disiasat Bank Negara Malaysia kerana disyaki mengambil deposit secara haram.

Dakwaan itu dibuat oleh Ketua Operasi PLSB, Kamaruddin Mohamad, dalam sesi taklimat ke-14 syarikat berkenaan untuk memberi penerangan kepada ahlinya, hari ini.

Ketika menjelaskan perkembangan terbaru siasatan terhadap syarikat itu, beliau juga mengaku golongan profesional termasuk peguam, doktor dan akauntan turut menjadi ahli berdaftar PLSB.

"Pelbagai golongan, dari yang berpendapatan rendah, golongan profesional termasuk Tan Sri, Datuk dan exco juga menjadi ahli syarikat.

"Sebaik mengetahui pengurusan PLSB merangka memorandum untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri, ramai tampil untuk membantu pengurusan mengatur pertemuan, sama ada dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin," katanya di Pusat Perniagaan Putra, Jalan Kilang Lama, dekat sini.

Kamaruddin berkata, memorandum setebal dua muka yang mencatatkan tuntutan PLSB untuk membantu kakitangan dan ahlinya itu akan disampaikan kepada Dr Mahathir, beberapa hari lagi.

"Walaupun memorandum ini belum dikemukakan kepada Perdana Menteri, kandungannya sudah diketahuinya dan perkara ini juga telah sampai ke pengetahuan Kabinet kerana ia isu nasional," katanya.

(END)